

22 JUN 2002

Umno-Usul (Agama)

PAS KHIANATI ORANG MELAYU DAN ISLAM UNTUK MENDAPATKAN KUASA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Kedah menyokong usaha kerajaan dan parti untuk menentang PAS yang dianggapnya mengkhianati Islam dan bangsa Melayu semata-mata untuk mendapatkan kuasa pemerintahan.

Wakil Umno Kedah, Mohamad Kamal Saidin berkata PAS bukan memperjuangkan Islam tetapi sanggup memperalatkan agama dan menyelewengkan akidah umat Islam sehingga berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Islam.

"PAS sebenarnya sanggup menjual agama kerana gilakan kuasa sehingga sanggup mencipta fatwa yang mengelirukan masyarakat seperti Tuhan mencarut serta menawarkan pahala dan syurga," katanya semasa membentangkan usul agama dan sosial pada hari ketiga dan terakhir Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Mohamad Kamal berkata PAS hanya berjuang untuk mendapatkan pangkat, darjat dan kuasa dan telah dibuktikan antaranya pemimpin mereka yang menduduki kerusi Parlimen dan dalam masa yang sama mewakili kerusi dewan undangan negeri (DUN).

Beliau mempersoalkan tindakan Menteri Besar Terengganu Datuk Abdul Hadi Awang menggubal undang-undang hudud untuk negeri itu sedangkan sebelum itu beliau mempengerusikan jawatankuasa pengubal hudud bagi Kelantan.

"Kenapa undang-undang Kelantan itu tak dibawa ke Terengganu, jadi saya nak tanya orang PAS berapa jenis hudud dalam Islam dan yang mana satu hudud Allah," katanya.

Satu perkara yang jelas mengelirukan ialah undang-undang hudud Kelantan tidak mempunyai satu seksyen yang menyebut soal penderhaka negara sedangkan ia ada di dalam hudud Terengganu, katanya.

Mohamad Kamal Saidin berkata menurut Hadi ia tidak menyebut soal penderhaka negara kerana ia merupakan masalah khilafiah (perselisihan pendapat antara ulama) dan boleh digantikan dengan hukum takzir yang telahpun dilaksanakan kerajaan untuk menghukum mereka yang bersalah.

Dengan itu jelas pimpinan PAS Kelantan dan Terengganu menggubal undang-undang hudud semata-mata untuk mengekalkan kuasa mereka walaupun jelas mereka membohongi Allah dan penduduk negeri itu.

"Kalau di Kelantan (Menteri Besar Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) boleh mengekalkan kuasanya dengan Enakmen Kanun Jenayah Syariah II 1993 dan dengan harapan yang sama (Menteri Besar Terengganu Datuk Seri) Abdul Hadi (Awang) akan membentangkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) pada persidangan DUN bulan depan," katanya.

PAS memegang tampuk pemerintahan Kelantan pada 1990 manakala Terengganu pada 1999.

Beliau berkata PAS sebenarnya menggubal hudud sedemikian sebagai senjata politik bagi menentang Umno kerana apabila mereka menyerahkan kepada kerajaan pusat sudah pasti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menolaknya.

Dengan cara itu ia akan menjadi modal kepada mereka untuk menghentam kerajaan atas alasan menolak hudud.

"Demi Allah, kita tidak tolak hukum hudud Allah tetapi kita (Umno) menentang siapa sahaja yang menodai hukum Allah," katanya.

Mohamad Kamal juga berkata Umno mesti menentang PAS kerana parti itu bersekongkol dengan DAP yang secara terang-terangan menolak penubuhan negara Islam dan memusuhi bangsa Melayu sejak 27 tahun lepas.

Badan Perhubungan Umno Kedah dalam usul itu juga menggesa seluruh

agensi kerajaan dan badan-badan agama menggembeleng usaha dan tenaga secara bersepadu, memberikan kefahaman Islam yang sebenar melalui pendekatan yang berintipatikan ketamadunan kepada semua lapisan masyarakat.

Ia juga menggesa supaya dilipat-gandakan usaha membanteras sikap dan kefahaman politik sempit yang sewenang-wenangnya mengeksploitasi kesucian ajaran Islam kerana kepentingan politik mereka tanpa mempedulikan keutamaan tuntutan semasa.

-- BERNAMA

BD NH AZZ RON